



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**NOTIS LANTIKAN TERUS**

**NO : KDN/PB/SB/001/2021**

1. Lantikan Terus ini adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera** di Daerah Sepang Sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori dan pengkhususan berkaitan sebagaimana di bawah :-

<b>NAMA PROJEK</b>	<b>SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN</b>	<b>NO.</b>	<b>TEMPOH, TARIKH DAN ALAMAT DOKUMEN BOLEH DIAMBIL</b>	<b>TEMPOH, TARIKH DAN ALAMAT LAWATAN TAPAK</b>
<b>KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGUBAHSUAIAN DI PEJABAT BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN (PKK) CAWANGAN KECIL KLIA, SEPANG, SELANGOR.</b>	Kontraktor Tempatan  Berdaftar dengan CIDB Gred G1  Berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB  Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B 24	KDN/PB/SB/001/2021	<b>20 April 2021 (Isnin) - 27 April 2021 (Isnin)</b>  <b>Alamat :</b>  Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 2, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya.  <b>En. Mohd Husnaidi Bin Hussian</b> (03-8886 8343)	<b>20 April 2021 (Isnin) - 27 April 2021 (Isnin)</b>  <b>Alamat Tapak :</b>  Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri Cawangan KLIA Tkt. 6, Kompleks Kastam FCZ, Jalan KLIA S3, 64000 KLIA, Sepang  <b>En. Hilme Bin Mazlan</b> (03-8787 1204 / 011-5760 4599) <b>En. Noor Haslizam Bin Hashim</b> (010-299 7139)

2. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan Sosial oleh KKM dan MKN.

3. Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**, walaubagaimana pun bagi memastikan maklumat projek ini adalah jelas, pihak kontraktor boleh menghubungi pegawai yang dinamakan untuk sesi lawatan tapak dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya perlu. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang **Asal** dan **Salinan** semasa menghadiri lawatan tapak tersebut. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK, SPKK dan STB yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK.
4. Dokumen akan dikeluarkan kepada pihak kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, pihak kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** PPK, SPKK yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta STB yang dikeluarkan oleh **Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan** (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Dokumen tersebut boleh diambil secara percuma di **ARAS 2, BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI, KOMPLEKS D, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 Putrajaya**.
5. Senarai semak beserta dokumen-dokumen tersebut perlulah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri, bertulis dengan tajuk projek di atas dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti yang ditempatkan di **Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 2, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya pada 27 April 2021 bersamaan hari (Isnin) sebelum jam 12.00 tengah hari**.



.....  
Tandatangan

Nama Penandatangan : **DATO' HJH. RAHMAH BINTI HJ. RAMLI**  
Jawatan : Setiausaha Bahagian Pembangunan  
Tarikh : **20/4/2021**  
Kementerian Dalam Negeri  
Malaysia